

19 APRIL 2018

Padah ditahan miliki dadah

Jasin

Padah ditahan miliki dadah

Dua lelaki berdepan hukuman gantung selepas ditahan bersama dadah heroin, syabu, pil ekstasi dan Eramin 5 di dua lokasi berasingan di daerah ini, pada Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Jasin Deputi Supérintendan Arshad Abu berkata, kedua-dua suspek ditahan dalam Op Bersepadu yang dijalankan sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) dan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jasin di Kampung Bemban dan Merlimau.

Menurutnya, tangkapan pertama membabitkan suspek berusia 28 tahun yang bekerja sebagai penjual buah di sebuah rumah di Kampung Tehel

pada jam 12.50 tengah malam Ahad lalu.

"Pemeriksaan menemui empat pekot syabu seberat 60 gram dan pil ekstasi," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, tangkapan kedua pula membabitkan suspek berusia 28 tahun yang ditahan pada hari sama di Taman Dato Haji Abdul Aziz, Merlimau.

"Polis merampas heroin dengan anggaran berat 140 gram bersama pil Eramin 5," katanya.

Menurut Arshad nilai rampasan dadah itu dianggarkan sebanyak RM10,000 dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.